



SIARAN MEDIA

TERENGGANU METERAI PERJANJIAN KONSESI SISTEM E-TANAH

Seiring perkembangan semasa dan memenuhi kehendak rakyat dalam penyampaian perkhidmatan pentadbiran tanah agar sentiasa relevan, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) hari ini memeterai Perjanjian Konsesi Sistem e-Tanah antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Terengganu.

Ia bagi pembangunan Sistem e-Tanah di Terengganu yang dijangka selesai dalam tempoh dua (2) tahun dan mula diguna pakai menjelang tahun 2024, seterusnya tempoh pengoperasian hingga 12 tahun.

Pengoperasian dan penggunaan secara optimum sistem ini kelak akan memberi manfaat kepada pentadbiran tanah negeri dan rakyat di mana urusan dalam perkhidmatan pentadbiran tanah boleh dilaksanakan secara dalam talian. Ini sekali gus akan dapat meningkatkan lagi kutipan hasil Kerajaan Negeri Terengganu serta menyumbang dalam memacu pembangunan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

Sistem e-Tanah adalah sistem pentadbiran tanah elektronik bersepadu dan komprehensif selaras usaha mentransformasikan pentadbiran tanah agar lebih efisien, telus dan berintegriti. Sistem ini membolehkan orang awam termasuklah komuniti perniagaan yang berurusan dengan pentadbiran tanah dapat menikmati urusan transaksi tanah seperti carian persendirian, pembayaran cukai, semakan status permohonan dengan lebih lancar, mudah, cepat dan mesra rakyat. Usaha ini adalah satu lagi trajektori baru untuk mencapai matlamat pendigitalan perkhidmatan awam sekali gus menambah nilai perkhidmatan Kerajaan demi keperluan rakyat.

KeTSA akan terus menerajui pelbagai usaha bagi memastikan pengurusan sumber asli termasuklah pentadbiran tanah yang cekap melalui mekanisma tindakan bersepadu dengan kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dan juga pihak swasta. Ini selaras dengan objektif "Keluarga Malaysia – Makmur, Inklusif, Mampan" untuk membina Malaysia yang maju dan berdaya saing.

Kejayaan pelaksanaan e-Tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2017 adalah pencetus kepada peluasan pelaksanaan Sistem e-Tanah apabila Kerajaan memutuskan untuk meneruskan Kerjasama Awam Swasta ini ke lapan (8) negeri dan dua (2) Wilayah Persekutuan yang lain. Hingga kini, Sistem e-Tanah ini telah berjaya dibangunkan dan digunakan di Negeri Perak, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan. Peluasan ke negeri-negeri lain sedang giat dilaksanakan berdasarkan perancangan dan dijangkakan Sistem e-Tanah ini akan dapat diguna pakai sepenuhnya di negeri-negeri lain pada tahun 2024 kelak.

Perjanjian Konsesi Sistem e-Tanah Negeri Terengganu secara Kerjasama Awam Swasta telah ditandatangani hari ini oleh YBhg. Dato' Haji Rosli bin Isa, Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, yang mewakili Kerajaan Persekutuan, YB Datuk Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu mewakili Kerajaan Negeri Terengganu dan Tuan Syed Azmin Syed Nor, Pengurus Eksekutif Puncak Tegap Sdn Bhd. selaku syarikat konsesi bagi projek ini. Majlis tersebut telah disaksikan oleh YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu dan Encik Nigel Lee, Ketua Pegawai Eksekutif Puncak Tegap Sdn. Bhd.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

29 JUN 2022

2

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



#KELUARGA
MALAYSIA

